

Jumlah kematian dan kemalangan motosikal melibatkan remaja serta kanak-kanak semakin membimbangkan

Oleh SHAHRIM TAMRIN DAN LIU HONGLIN

## SHAH ALAM

Motosikal di bawah 150cc atau lebih dikenali sebagai 'kapcai' adalah mesin pembunuh utama generasi muda negara apabila ramai remaja dan kanak-kanak seawal usia enam tahun telah maut atau cacat akibat menunggang kenderaan ini.

Statistik laporan nahas jalan raya untuk jangka masa 12 tahun dari 2009 sehingga 2020 yang disediakan oleh polis telah mendedahkan beberapa angka yang mengejutkan iaitu 2,688 kematian direkodkan dalam kumpulan umur enam hingga 15 akibat menunggang motosikal.

Malah angka maut ini adalah lebih tiga kali ganda bagi kumpulan umur 16-20 tahun iaitu 9,291 kematian.

Walaupun negara dilanda pandemik Covid-19 dan mengalami tempoh pengurangan lalu lintas yang ketara semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac 2020, seramai 806 penunggang motosikal di bawah umur 20 tahun telah maut dengan 2,925 cedera dua tahun lalu.

Dengan kadar kematian tinggi

melibatkan remaja dan kanak-kanak di jalan raya, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melahirkan kebimbangan.

Pada pelancaran Pelan Global WHO untuk Dekad Tindakan Keselamatan Jalan Raya 2021-2030 untuk bab Malaysia pada Oktober tahun lalu, ketua misi dan wakil WHO di Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura, Dr Jacqueline Lo Ying-Ru berkata, kemalangan lalu lintas jalan raya telah menyumbang 14 peratus daripada keseluruhan kematian dalam kalangan kanak-kanak berumur lima hingga 14 tahun di Malaysia.

"Ia menjadi punca utama kematian kanak-kanak di Malaysia. Adalah jelas untuk Malaysia menangani isu keselamatan jalan raya," kata Jacqueline.

Bagaimana dan mengapakah angka korban ini boleh mencecah kadar yang menggerunkan?

Ia berpunca daripada sikap tidak kisah atau tidak ambil peduli ibu bapa dan masyarakat yang telah menganggap amalan kanak-kanak dan remaja menunggang motosikal sebagai perkara normal.

Walaupun masyarakat di seluruh negara biasa menyaksikan tunggangan riang setiap hari dalam kalangan penunggang bawah umur tidak berlesen, adalah bu-

# 'Kapcai' pembunuh utama remaja, kanak-kanak



**Kecelakaan lalu lintas jalan raya telah menyumbang 14 peratus daripada keseluruhan kematian di kalangan kanak-kanak berumur lima hingga 14 tahun di Malaysia.**

kan perkara asing bagi generasi muda menceburi aktiviti menunggang motosikal dari peringkat kanak-kanak lagi di kawasan perumahan.

Bagaimanakah bilangan korban dan kecederaan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja yang semakin meningkat ini dapat ditangani?

Adakah orang ramai masih mahu membiarkan angka korban tinggi melibatkan kanak-kanak dan remaja akibat nahas 'kapcai'?

Bekas pegawai Jabatan Keselamatan Jalan Raya Pulau

Pinang, Roziah Aziz menawarkan pandangan mendalam tentang pemikiran sesetengah ibu bapa dan menegaskan budaya keselamatan masih belum ditanam dalam kehidupan seharian mereka.

"Sesetengah ibu bapa berpendapat adalah lebih baik membenarkan anak mereka di bawah umur atau tidak berlesen menunggang motosikal ke sekolah daripada mereka tidak pergi ke sekolah langsung.

"Ada ibu bapa yang masih dengan mentaliti bahawa kisah sedih di jalan raya tidak akan ber-

laku kepada anak mereka dan a beranggapan hanya akan berlaku kepada orang lain.

"Mereka masih di takuk pemikiran seolah-olah si anak kebal atau tidak akan terlibat dalam kecelakaan," katanya sambil menceritakan pengalamannya mengemukakan program advokasi di sekolah terutama acara melibatkan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

\* Rencana ini ditulis di bawah Program Kewartawanan Penyiasatan Kiniacademy

## Beberapa nahas maut melibatkan penunggang motosikal kanak-kanak

Sumber: Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik PDRM Bukit Aman

TARIKH	KEJADIAN
5 September 2021	Penunggang motosikal berumur 12 tahun secara tiba-tiba keluar dari simpang dan dilanggar oleh sebuah lori pada 3.05 petang berdekatan Ladang Air Manis, Sabak Bernam. Mangsa disahkan mati di Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam, Selangor.
28 Oktober 2020	Pelajar tingkatan dua terbunuh setelah motosikal yang ditunggangnya merempuh tiang di persimpangan lampu isyarat pada 8.30 malam berdekatan Taman Kluang Perdana, Kluang, Johor.
29 Oktober 2017	Pembonceng motosikal berumur 11 tahun maut setelah motosikal yang ditunggang kakaknya yang berumur 12 tahun merempuh sebuah ambulan di Jalan Kampung Senduk Tengah, Changkat Jering, Taiping, Perak.
29 Disember 2015	Dua penunggang motosikal berumur 14 dan 19 tahun berserta seorang pembonceng motosikal berumur tujuh tahun terbunuh setelah mereka bertembung pada insiden 10.30 malam di Jalan Tok Burung, Bachok, Kelantan.
29 Januari 2003	Penunggang motosikal berumur 10 tahun maut ketika menunggang motosikal kepunyaan Datuknya setelah bertembung dengan sebuah lori di KM 9, Jalan Bolok, Kampung Sok Mek, Lanchang, Pahang.

## JUMLAH TERKUMPUL KEMATIAN PENUNGGANG MOTOSIKAL MENGIKUT PECAHAN UMUR DARI 2014 HINGGA 2020

Kumpulan umur / Tahun	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	JUMLAH
6 - 10 tahun	3	13	14	13	12	11	8	74
11 - 15 tahun	225	249	266	260	245	236	191	1,672
16 - 20 tahun	777	790	846	830	781	751	607	5,382
21 - 25 tahun	611	594	634	621	584	562	454	4,060
26 - 30 tahun	330	330	352	345	325	313	253	2,248
31 - 35 tahun	279	307	328	321	302	291	235	2,063
36 - 40 tahun	315	251	268	262	247	238	192	1,773
41 - 45 tahun	189	195	208	204	192	185	149	1,322
46 - 50 tahun	204	194	207	203	191	184	149	1,332
51 - 55 tahun	186	199	213	208	196	189	153	1,344
56 - 60 tahun	167	123	131	128	120	116	94	879
61 - 65 tahun	174	172	184	180	169	163	132	1,174
66 - 70 tahun	134	196	209	205	193	186	150	1,273
71 - 75 tahun	106	111	119	116	109	106	86	753
> 75 tahun	80	92	98	95	89	86	69	609
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>3,780</b>	<b>3,816</b>	<b>4,077</b>	<b>3,991</b>	<b>3,755</b>	<b>3,617</b>	<b>2,922</b>	<b>25,958</b>

SUMBER: Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Bukit Aman